



JURNAL LINGUISTIK Vol. 29 (1) Mei 2025 (128-144)

Merekonstruksi Pemikiran Za'ba tentang Dialek Melayu

Mohd Tarmizi Hasrah

h.tarmizi@uum.edu.my

*Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Universiti Utara Malaysia*

Tarikh terima : 10 Mac 2025
Received
Terima untuk diterbitkan : 7 Mei 2025
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 31 Mei 2025
Published online

Abstrak

Kajian grafisejarah berupaya memberikan gambaran penting tentang kemajuan dialektologi Melayu. Maka, analisis dan dapatan yang dihasilkannya membolehkan penelusuran terhadap perkembangan pemikiran tentang dialek, baik berupa penerusan mahupun inovasi dari segi falsafah, teori, metodologi serta atur cara penyelidikan. Walau bagaimanapun, ehwal tersebut tidak pula menafikan fakta bahawa kajian grafisejarah dialektologi Melayu masih belum memuaskan. Natijahnya, maklumat tentang pengkaji awal dan pemikiran yang dipatrikan, misalnya tentang konsep dialek dan pembangunan atur cara penyelidikan tidak diketahui secara tuntas. Makalah ini adalah usaha memenuhi lompong tersebut dengan membincangkan pemikiran tentang dialek Melayu yang dirumuskan oleh Za'ba. Makalah ini menerapkan kaedah analisis kandungan bagi merekonstruksi pemikiran Za'ba tentang ehwal tersebut mencakupi takrifan konsep dan tatacara analisis. Pendekatan grafisejarah linguistik turut diterapkan bagi menjejaki posisi Za'ba dalam mandala grafisejarah linguistik bahasa Melayu secara umum. Hasil analisis menunjukkan bahawa konsepsi Za'ba tentang dialek dan kaedah penyelidikan terbaik adalah sejajar dengan pegangan jalur utama pada zamannya. Selain itu, makalah ini juga mendapati Za'ba menduduki posisi yang istimewa dalam grafisejarah dialektologi Melayu atas dua sebab. Pertama, beliau merupakan bahasawan watan awal yang memerihalkan fenomena dialek menurut perspektif yang berpada secara linguistik. Kedua, beliau menawarkan atur cara penyelidikan dialek yang sesuai pada zamannya justeru berdaya memerikan fenomena dialek dengan saksama. Dapatan makalah ini memperlihatkan potensi penyelidikan grafisejarah dialektologi sebagai asas bagi pembangunan ilmu dialektologi Melayu yang lebih teoretis menurut acuan watan.

Kata kunci: Za'ba, grafisejarah linguistik, dialek Melayu, linguistik bahasa Melayu, *Ilmu Mengarang Melayu*

Reconstructing Za'ba's Thoughts on Malay Dialects

Abstract

Historiographical studies provide genuine insight into the progress of dialectology. Therefore, the analysis and findings they produce allow for an exploration of the development of thought regarding dialectal phenomena, whether in terms of continuation or innovation in philosophy, theory, methodology, and research programmes. However, it is undeniable that the historiography of Malay dialectology is inadequate, which contributes to a lack of information about early dialect scholars as well as their thoughts on dialects and the research programmes they developed. This paper attempts to fill this gap by discussing Za'ba's thoughts on the Malay dialect. To achieve this,

this paper employs a content analysis method to reconstruct Za'ba's thoughts, concepts, and research programme. The linguistic historiography approach is also applied to trace his position within Malay linguistic historiography. The results show that Za'ba's conception of dialect and his research programme align with the mainstream views of his time, thus placing him in a special position within Malay linguistic and dialect historiography for two reasons. First, he was one of the earliest local linguists to describe dialect phenomena from a linguistically sound perspective. Second, he proposed a research programme for studying dialect phenomena accurately. These findings highlight the potential of historiographical research as a basis for the development of a more theoretically grounded Malay dialectology rooted in an indigenous framework.

Keywords: *Za'ba, linguistics historiography, Malay dialect, Malay linguistics, Ilmu Mengarang Melayu*

1. Pengenalan

Kajian tentang grafisejarah linguistik bahasa Melayu terutama yang memerihalkan asal muasal ilmu kajian dialek atau dialektologi sememangnya berupaya memberikan gambaran penting tentang kemajuan yang dilaluinya sejak ilmu tersebut mula-mula diprakarsa (Koerner, 1989). Maka, menerusi analisis dan dapatan yang ditampilkannya justeru membolehkan perkembangan dalam pemikiran linguistik melibatkan dialek dipetakan dengan sesistematik yang mungkin, baik yang melibatkan penerusan terhadap paradigma ilmu yang sedia ada mahupun inovasi dari segi falsafah, teori dan metodologi termasuk atur cara penyelidikan. Hal ini dapat pula memaparkan ehwat pemerihalan secara rinci bagi setiap juzuk ilmunya, faktor-faktor yang menjadi penyebab kepada penerusannya ataupun inovasinya serta jangkaan tentang hala taju yang mendatang bagi memastikannya kekal relevan dengan perkembangan semasa.

Hakikat tentang tabii grafisejarah yang diungkapkan bagaimanapun tidaklah menafikan keberadaan fakta bahawa kajian tentang grafisejarah linguistik terutama dialektologi Melayu masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian-kajian yang sedia ada tentangnya sekadar terbatas kepada tiga keadaan, iaitu:

- i. Kajian yang menerapkan perspektif biografi. Maka, hasilnya sekadar memerihalkan latar belakang dan sumbangan yang dianggap signifikan oleh tokoh yang dikaji. Kajian-kajian seperti ini dapat dilihat, antara lainnya, dalam Raja Mashitah (2010, 2015, 2018) serta Hashim & Rozita (2017).
- ii. Kajian yang melakukan tinjauan secara bibliografi yang mengandungi ulasan dan anotasi ringkas terhadap karya-karya yang diulas seperti yang dilakukan oleh Teeuw (1961) dan Collins (2018).
- iii. Kajian yang memberi penumpuan khusus bagi menganalisis pengaruh warisan keilmuan linguistik Eropah dalam memerihalkan sistem linguistik bahasa dan dialek Melayu umpamanya seperti yang dikerjakan oleh Harimurti (1979, 1991, 1999), Collins (1996), Karim (2005, 2017) Mashudi (2009) Karim & Collins (2024) dan Azizah (2024).

Walau bagaimanapun, terdapat satu lagi keadaan yang berkaitan secara langsung dengan mauduk makalah ini, yakni keadaan (iv) yang mengumpulkan kajian-kajian yang memberikan tumpuan khusus terhadap pemikiran linguistik dan kebahasaan yang dinukilkan oleh bahasawan watan. Kajian yang seumpama itu dapat dilihat dalam Harimurti (1983), Nik Safiah (2010), Mohd Tarmizi (2013, 2020, 2023a, 2023b), Vesteergh (2019, 2020a), Asmah (2014, 2024), Khayrurijal (2015), Muhammad Syukri (2016), Muhammad Syukri & Ahnaf (2022) dan Munif (2024). Namun begitu, kajian-kajian yang tergolong dalam keadaan yang keempat ini tidak pula menyentuh perihal grafisejarah dialektologi Melayu. Hal ini justeru membuatkan grafisejarah dialektologi Melayu adalah teramat langka.

Kelangkaan kajian grafisejarah dialektologi Melayu sememangnya merupakan benteng yang menjadi penghalang untuk memahami kemajuan yang berlaku dalam ilmu tersebut lantas mengaburkan bayangan tentang masa depannya. Kesannya ialah maklumat tentang pemuka awal dan pemikiran yang dipatrikan melibatkan kupasan berkaitan wawasan dan pembangunan atur cara penyelidikan dialek

Melayu tidak diketahui secara tuntas, sedangkan maklumat tersebut sangat penting bagi mencorakkan hala tuju untuk kemajuan ilmu dialektologi Melayu itu sendiri. Sehubungan dengan itu, makalah ini adalah suatu usaha untuk memenuhi lompong tersebut bagi membolehkan kemajuannya diperi dan digalurkan dengan sebaiknya, dan setelah itu membolehkan penetapan perencanaan masa hadapannya dengan lebih tuntas. Bagi mencapai hasrat tersebut, makalah ini membentangkan perbincangan dan analisis terhadap pemikiran tentang dialek Melayu yang dihayati dan dinukilkan oleh bahasawan dan ilmuwan watan yang bitara iaitu Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba).

Za'ba merupakan sosok yang tidak asing dalam dunia kesarjanaan dan keintelektualan negara Malaysia. Karya Za'ba yang bertebaran di sana sini dan diulang cetak berkali-kali mengandungi perbincangan tentang pelbagai cabang ilmu, antaranya bahasa, falsafah, agama, sastera termasuk ekonomi dan politik. Kepelbagaian tema keilmuan yang menerima cerapan akal dan goresan kalam Za'ba sememangnya menjadi bukti ampuh tentang kebitaraan pemikiran beliau (Adnan, 2007; Asmah, 2014). Akan tetapi, terdapat satu fakta yang harus diakui iaitu nama Za'ba paling sering digandingkan dengan bahasa Melayu dan hal ehwal kebahasaan ketimbang cabang ilmu lain yang dinyatakan tersebut. Antara sebabnya ialah Za'ba bertindak sebagai bahasawan pertama yang mensistematikkan nahu bahasa Melayu menurut acuan linguistik kontemporari pada zamannya (Asmah, 2014). Selain itu, Za'ba turut mempiawaikan sistem ejaan Jawi dan Rumi sehingga menghasilkan Sistem Ejaan Za'ba pada tahun 1933 (Asmah, 2014, 2024). Sistem ejaan tersebut digunakan di semua sekolah Malaya pada ketika itu. Maka, mengenang pemikiran Za'ba tiada lain daripada membongkar keakraban beliau dengan segera kebahasaan yang seakan tidak bertepi itu.

Makalah ini tidak bermaksud membicarakan pemikiran kebahasaan Za'ba secara menyeluruh. Hal ini dikatakan demikian kerana ehwal tersebut telah pun dibicarakan dengan cemerlang umpamanya oleh Asmah (2014). Makalah ini sebaliknya menumpukan secebis daripada pemikiran kebahasaan Za'ba yang luas itu tetapi tidak disentuh oleh Asmah. Maka, tiadalah pemerihalan tentang struktur ayat, sistem bunyi ataupun tatakaedah kepengarangan berbahasa Melayu dalam makalah ini. Sebaliknya, yang menjadi tumpuannya adalah pemikiran Zaba tentang dialek Melayu. Persoalan yang menjadi inti garapan makalah ini ialah apakah tanggapan Za'ba tentang makna dialek dan dialek Melayu secara umum? Pecahan kepada persoalan tersebut ialah bagaimanakah Za'ba membahaskan ehwal yang menerbitkan kepelbagaian dari segi geografi dan sosial? Selain itu, apakah pula saranan beliau tentang metodologi untuk mengkaji dialek dan apakah pula yang menjadi matlamat akhirnya? soalan yang terakhir, apakah natijah yang terbit daripada hemat Za'ba tentang dialek Melayu dalam konteks grafisejarah linguistik bahasa Melayu secara umum?

Sehubungan dengan itu, objektif makalah ini adalah (i) untuk memerihalkan pemikiran Za'ba tentang dialek Melayu mencakupi kupasan konseptual, ciri-ciri, asal-usul dan penyebarannya. Selain itu, makalah ini juga (ii) memperincikan metodologi yang betul yang perlu diterapkan bagi penelitian dialek Melayu menurut hemat Za'ba. Objektif yang terakhir sekali adalah (iii) untuk menilai kesignifikanan dan ketidaksignifikanan pemikiran Za'ba tentang dialek Melayu dalam konteks grafisejarah linguistik dan dialektologi Melayu. Hasrat yang melatari objektif yang digariskan adalah berhujung pada pemeriksaan bidang dan penyelidikan grafisejarah linguistik bahasa Melayu bagi meninjau perkembangan idea yang akhirnya berdaya menyerlahkan keberadaan linguistik bahasa Melayu sebagai warisan keilmuan yang utuh dan mandiri.

2. Tinjauan Literatur

Seperti pemerian peraturan nahu bahasa Melayu yang sistematik berpangkal pada Za'ba, maka begitulah juga dengan penulisan tentang dialek Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana karya *Ilmu Mengarang Melayu* yang terbit buat pertama kalinya pada tahun 1934 memuatkan bab-bab khusus yang mengupas secara rinci perihal dialek Melayu. Pernyataan ini bagaimanapun tidak menafikan fakta bahawa dalam period awal 1900-an juga telah ada ilmuwan lain yang menulis dan mengkaji dialek Melayu seperti

Brown dan Hamilton. Akan tetapi, kedua-dua sosok tersebut adalah pegawai dan ilmuwan British, bukannya ilmuwan watan.

Barangkali Abdullah Munsyi lebih lagi layak untuk diangkat sebagai tokoh awal yang menulis tentang dialek Melayu ketimbang Za'ba. Hal ini disebabkan *Kisah Pelayaran Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi dari Singapura sampai ke Kelantan* (1838) turut ada mencatatkan sedikit maklumat tentang ehwal dialek Kelantan dan dialek Terengganu. Akan tetapi, penulisan Abdullah Munsyi tersebut hanya berbentuk catatan beberapa perkataan yang disebut secara berbeza dalam kedua-dua dialek. Tambahan pula catatan yang terdapat dalam *Kisah Pelayaran Abdullah...* dibuat tanpa landasan ilmiah sekurang-kurangnya berpandukan kepada perspektif linguistik kontemporari jalur utama pada zaman Abdullah terutamanya *Neogrammarian* atau *Neolinguistika*. Justeru itu tiadalah layak untuk mengangkat Abdullah Munsyi sebagai tokoh watan awal yang menulis tentang dialek Melayu.

Begitu juga dengan Raja Ali Haji yang merangkaikan frasa “*Iaitu Kamus Lughat Melayu Johor, Pahang, Riau-Lingga*” sebagai tajuk kecil dengan tajuk utama *Kitab Pengetahuan Bahasa*, namun tiadalah pula masukan perbendaharaan kata yang secara spesifik merujuk kepada item-item leksikal khas dialek-dialek yang dinyatakan dalam tajuk kecil itu, melainkan sekadar berpaksi pada andaian bahawa bahasa Melayu adalah berasal daripada dialek Johor-Riau justeru itu turut mengandungi dialek Melayu yang dituturkan di Lingga dan Pahang disebabkan pertautan wilayah pentadbiran. Maka, pendirian makalah ini untuk mengiktiraf Za'ba sebagai ilmuwan watan yang membicarakan ehwal dialek Melayu secara rinci dan sistematik pada zamannya tetaplah teguh.

Secara umumnya, boleh difahami sebab Za'ba menulis tentang dialek Melayu, padahal tumpuan kebanyakan karya beliau adalah bahasa ‘surat’ kerana peranannya sebagai teras dalam pempiawaan struktur bahasa Melayu. Dua alasan berikut adalah memadai untuk memahami kecenderungan Za'ba tersebut. Pertamanya ialah Za'ba menulis tentang dialek semata-mata untuk tujuan pendidikan dan pengajaran bahasa ‘surat’. Terkait dengan alasan pertama ini, bagi tujuan pendidikan bahasa yang ampuh, maka perlulah difahami struktur dan sifat dialek. Hal ini bagi memudahkan penyampaian pengajaran tentang struktur dan sifat bahasa ‘surat’. Maksudnya ialah Za'ba lebih awal lagi menyedari kepentingan dialek terhadap pedagogi bahasa. Dalam tulisan yang lebih kemudian daripada Za'ba, antaranya Collins (1989), turut ada menyinggung tentang korelasi antara dialek dengan pendidikan bahasa Melayu. Kajian tersebut menegaskan bahawa dialek mempengaruhi penerimaan para pelajar terhadap bahasa Melayu. Maka, pengetahuan tentang struktur dan sifat dialek secara tidak langsung membantu kefahaman pelajar tentang struktur dan sifat bahasa Melayu piawai.

Keduanya ialah pengakuan Za'ba akan fakta bahawa kekuatan bahasa Melayu terletak pada kepelbagaian dialek-dialeknya. Oleh itu, penyebaran dialek di merata daerah dan negeri adalah kekayaan yang wajar diangkat dan dibanggakan sebagai teras yang memperkayakan bahasa Melayu, bukannya suatu kesulitan yang menghala ke arah penurunan darjat bahasa Melayu kepada bahasa kampung. Alasan yang kedua ini tersirat dalam catatan Za'ba (2002:284) di bawah:

“Tetapi perkataan yang berlainan dan ungkapan-ungkapan yang berlainan terdapat dalam sesuatu bahasa daerah kadang-kadang ada juga kita lihat dipakai orang... kerana hendak meluaskan penggunaannya kepada umum. Dengan demikian bertambahlah kata-kata dan ungkapan-ungkapan baharu yang dikenal orang ramai dalam bahasa itu... Satu lagi gunanya bahasa daerah ini ialah ketika kekurangan perkataan dalam bahasa umum untuk istilah dan sebagainya. Jika dicari-cari dalam bahasa daerah mungkin boleh didapati perkataannya yang tepat atau hampir-hampir tepat. Pada yang demikian pakailah perkataan bahasa daerah itu. Ini lebih baik daripada membuat kata-kata baharu atau mengambil perkataan dari bahasa asing.”

Walau bagaimanapun, menggandingkan nama Za'ba dengan dialek Melayu bukanlah bererti beliau memanfaatkan tatakaedah ilmu dialektologi sezaman secara utuh dalam memerikan segala ehwal yang terkait dengannya. Maka, jika diteliti dalam karya Za'ba tersebut, sudah tentu tidak akan ditemui hal-hal penting tentang kajian dialek seperti pemetaan, huraian sistem linguistik bagi merungkai persoalan sinkronik dan diakronik serta pengelompokan sama ada dengan menuruti model rajah pohan mahupun teori gelombang. Untuk perkara ini, harus diakui bahawa tulisan Ismail (1973) dan Asmah (1977) harus diangkat sebagai tulisan dialektologi pertama di negara ini. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian Ismail dan Asmah mencakupi deskripsi sistem linguistik, pengelompokan dan pemetaan dialek (kecuali Ismail) sekali gus, justeru itu memenuhi falsafah dan matlamat kajian dialek secara umum sebagaimana yang dituntut oleh ilmuwannya yang berwibawa umpamanya Bloomfield (1992). Akan tetapi, Za'ba tetap boleh dianggap sebagai bahasawan watan awal yang menulis tentang dialek Melayu walaupun (i) tidak memenuhi falsafah dan matlamat kajian dialek serta (ii) natijah perspektif yang dinukilkan Za'ba dikritik hebat oleh pengkaji dialek Melayu kontemporari sebagai prasaintifik (Collins, 2016). Alasan bagi menegaskan pertimbangan yang sedemikian ialah bahasawan watan lain sebelum Za'ba tidak mengupas ehwal dialek Melayu serinci yang dilakukan oleh Za'ba. Persoalannya ialah apakah yang perincian yang dilakukan oleh Za'ba sewaktu mengupas ehwal dialek? Ehwal inilah yang akan ditangani dalam bahagian analisis dan perbincangan.

3. Metodologi

Bagi mencapai objektif yang ditetapkan, makalah ini menumpukan secara khusus terhadap karya Za'ba berjudul *Ilmu Mengarang Melayu* kerana mengandungi beberapa bab yang memerihalkan fenomena dialek Melayu. Kandungan bab-bab tersebut dianalisis menerusi pendekatan analisis kandungan. Penerapannya melibatkan proses pembacaan teliti atas setiap perkataan dan kalimat yang digunakan oleh Za'ba bagi menerbitkan makna yang mewakili pemikiran dan konteks penggunaannya. Untuk itu, setiap petikan penting dikeluarkan, kemudian dianalisis makna dan konteksnya. Tujuannya adalah untuk merekonstruksi pemikiran dialek yang dihayati oleh Za'ba. Pemikiran yang berhasil direkonstruksi diumpukkan dengan tema-tema yang khas bagi memudahkan perbincangan.

Pendekatan grafisejarah linguistik yang dinukilkan oleh Koerner (1989) menerusi konsep kesinambungan dan iklim idea diterapkan bagi melaksanakan usaha merekonstruksi pemikiran dialek Za'ba yang dimaksudkan. Dalam hal ini, kesinambungan bermaksud adanya penerusan dalam pemikiran tentang fenomena dialek daripada ilmuwan-ilmuwan sebelum Za'ba. Iklim idea pula merujuk kepada pengaruh yang memberi ilham terhadap pembentukan dan penerbitan pemikiran tentang dialek dalam karya Za'ba. Pengaruh yang dimaksudkan merujuk kepada pengaruh dalaman (seperti latar keilmuan, kebudayaan dan keperibadian ilmuwan yang dikaji) dan pengaruh luaran (seperti sebab politik, ekonomi dan sosial). Secara tuntasnya ialah penerapan analisis kandungan bagi tujuan merekonstruksi makna dan konteksnya dengan pendekatan grafisejarah linguistik membolehkan pemikiran tentang dialek yang dihayati oleh Za'ba dijelmakan dengan saksama dan menyeluruh justeru memenuhi objektif yang telah digariskan.

4. Analisis dan Perbincangan

Sebagaimana yang dinyatakan, bahagian ini menampilkan analisis terhadap pemikiran Za'ba tentang dialek Melayu yang dibahagikan kepada tema-tema seperti takrif, batas, sifat dan ciri, pemerian, sistem serta asal kejadian.

4.1 Takrif

Istilah dialek sering menimbulkan ketidaksepakatan dalam kalangan sarjana yang merunutinya (Rooy, 2020). Isu yang sering menjelmakan kekusutan dalam menetapkan kesepakatan yang dimaksudkan ialah perihal takrifnya. Ketidaksepakatan dalam kalangan ilmuwan yang menekuninya menyebabkan terbit

keragaman dalam pentakrifan dialek. Mislanya, ada yang menyatakan dialek merupakan ragam pertuturan yang digunakan oleh masyarakat kampung, pedalaman dan hulu; ada juga yang menghubungkan dialek sebagai gaya pertuturan oleh kelompok masyarakat yang rendah tahap pendidikan; dan, ada juga yang merujuk dialek sebagai ragam pertuturan yang berbeza dengan bahasa piawai, standard dan baku; lihat Bloomfield (1992) serta Chambers & Trudgill (1998) untuk perincian setiap takrifan yang diberikan ini.

Dari satu segi, takrif-takrif yang dikemukakan tersebut mengandungi nuansa yang bersifat negatif, kecuali takrif yang ketiga yang menunjukkan nilai yang lebih positif. Dikatakan negatif kerana dua sebab. Pertama ialah takrif tersebut dikaitkan dengan lokasi yang dihuni oleh masyarakat dialek yang terletak jauh dari kawasan pekan dan bandar justeru menatijahkan gaya pertuturan yang berlainan maka sukar difahami oleh masyarakat yang tinggal di pekan dan bandar. Kedua ialah takrif tersebut mengaitkan kelainan dialek dengan tahap pendidikan. Takrif ini menatijahkan persepsi bahawa orang yang bertutur dalam dialek yang ‘pekat’ ialah orang yang rendah tahap pendidikannya ketimbang orang yang dialeknya lebih ‘cair’. Takrif yang mengandungi nuansa positif pula tentunya disebabkan makna dialek sekadar dikaitkan dengan perbezaannya dengan bahasa standard. Dikatakan positif kerana takrif seperti ini sememangnya membayangkan kenyataan dialek yang sesungguhnya.

Bagaimanakah pula dengan hemat Za’ba tentang perkara ini? Kupasan Za’ba tentang makna dialek boleh dilihat dalam bahagian terakhir *Ilmu Mengarang Melayu*. Dialek, atau “bahasa daerah,” menurut Za’ba (2002:283), merupakan “...bahasa yang terpakai dalam satu-satu daerah atau bahagian negeri dengan mempunyai pelat sebutan yang terkhas bagi daerah itu dan berlainan daripada bunyi sebutan bahasa umum yang rata-rata dipakai dalam perhubungan umum dalam percakapan dan suratan”. Terdapat dua perkara yang wajar diberi penekanan dalam takrif dialek yang dikemukakan oleh Za’ba itu. Pertamanya adalah berhubung dengan istilah “daerah” atau “bahagian negeri.” Keduanya pula berkaitan dengan kalimat “mempunyai pelat sebutan yang terkhas bagi daerah itu dan berlainan daripada...bahasa...umum dalam percakapan dan suratan.”

Perkara pertama merujuk kepada takrif dialek yang dikemukakan oleh Za’ba yang mengaitkannya dengan kawasan yang menjadi lokasi sesebuah dialek dituturkan. Ehwal yang mendasari perkara pertama ini adalah suatu bayangan bahawa Za’ba sememangnya menghayati konsep dialek kontemporari pada zamannya. Konsep yang dimaksudkan menautkan dialek sebagai ragam pertuturan yang tersebar dalam kawasan geografi tertentu (Saussure, 1998; Bloomfield, 1992). Penerimaan konsep dialek seperti itu membolehkan Za’ba menamakan dialek-dialek Melayu dengan nama kawasan yang menjadi lokasinya seperti Kelantan, Terengganu, Perak dan Negeri Sembilan. Perkara yang kedua pula menunjukkan Za’ba mengerti bahawa perilaku linguistik bagi sesebuah dialek adalah berlainan dengan bahasa piawai atau standard dan bahasa tulisan atau bahasa ‘surat’, malah perilaku linguistik yang dimaksudkan adalah khas bagi dialek-dialek yang berkenaan sahaja, justeru mewajarkannya untuk dikelompokkan kepada kawasan-kawasan tertentu.

4.2 Batas

Secara rinci, yang dimaksudkan oleh Za’ba tentang hal yang pertama di atas adalah merujuk kepada bahasa yang dituturkan dalam daerah-daerah atau negeri-negeri tertentu. Hal ini, misalnya, bahasa yang dituturkan di Pahang, Kelantan, Terengganu dan negeri-negeri lain yang terdapat di semenanjung. Menurut hemat yang terkandung dalam pengertian ini, bagi Za’ba, bahasa yang dituturkan di daerah-daerah dan negeri-negeri yang tersebut itu memperlihatkan perbezaan antara satu sama lainnya: Kelantan berbeza dengan Terengganu dan Pahang, begitu juga dengan Perak berbeza dengan Selangor dan Negeri Sembilan. Seperti yang diungkapkan oleh Za’ba (2002:285):

“...tiap-tiap bahasa adalah mempunyai bermacam-macam bahasa daerah yang berlain-lainan bunyi dan pelatnya, dan bahasa Melayu ini pun begitu juga. Misalnya dalam Semenanjung ini sahaja orang Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Kedah, Kelantan,

Terengganu, Pahang, berlain-lainan bunyi loghat dan pelatnya bercakap Melayu padahal semuanya bahasa Melayu.”

Akan tetapi, ada perkara lain yang menuntut penjelasan lanjut jikalau direnungkan petikan yang dicuplik daripada karya Za'ba tersebut. Dalam hal ini, yang tidak dijelaskan oleh Za'ba ialah apakah yang beliau maksudkan ketika menggunakan kalimat “daerah” atau “negeri” itu? Adakah yang dimaksudkan merujuk kepada sempadan politik seperti yang dilakar oleh para ahli kartografi dalam peta semenanjung, misalnya? Jika diperhatikan contoh-contoh yang ditampilkan, maka sememangnya jelas bahawa ehwal itulah yang dimaksudkan oleh Za'ba. Hal ini umpamanya dapat dilihat dari segi pengelompokan dialek-dialek di semenanjung yang dibahagikan mengikut sempadan negeri. Seperti yang dicatat oleh Za'ba (2002:285), jikalau “...banyak bergaul dengan orang-orang Melayu dari lain-lain negeri dalam Semenanjung ini tentulah tahu atau dapat memerhatikan perbezaan di antara bunyi pertuturan orang masing-masing di negeri itu.”

Pembahagian dialek Melayu mengikut daerah atau negeri sepertimana yang dilakukan oleh Za'ba dalam karyanya bukanlah hal yang baru pada ketika itu, malah dapat ditelusuri lebih awal lagi terutamanya dalam tulisan para sarjana dan pegawai kolonial antaranya Willian Marsden dan John Crawfurd. Penerapan perspektif seperti itu masih kekal dalam karya-karya linguistik bahasa Melayu kontemporari yang muktabar umpamanya *Susur Galur Bahasa Melayu* (Asmah, 2008a) dan *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah, Hashim, Farid & Abdul Hamid, 2015) mahupun dalam ensiklopedia yang memuatkan maklumat tentang dialek Melayu (Asmah, 2008b).

Bagi sesetengah pengkaji dialek Melayu, penerapan perspektif seperti ini mengandungi masalah metodologi (Collins, 2007, 2016). Dalam deretan tulisan tersebut, Collins, mengutarakan hemat yang terilham daripada gejala dialek di Eropah dan Amerika Syarikat bahawa sempadan dialek tidak serupa dengan sempadan politik, daerah atau negeri, yang mengundang natijah bahawa seolah-olah sesebuah dialek akan tamat dan berubah kepada dialek lain sebaik sahaja tiba pada batu pancang yang menjadi penanda sempadan daerah atau negeri. Arakian, dapat dilihat bahawa sempadan dialek Kelantan misalnya tidak berhenti sebaik sahaja melangkaui garisan yang menjadi pemisah negeri Kelantan dengan Terengganu atau Pahang. Hal ini dikatakan demikian kerana dialek Kelantan masih lagi dituturkan di beberapa kawasan di Merapoh, Pahang, malah di dua buah daerah di Terengganu, iaitu Besut dan Setiu. Bukan itu sahaja, kalau diambil contoh dialek Terengganu pula, cakupan persebarannya lagilah jauhnya, yakni melangkaui dua buah negeri iaitu Pahang dan Johor kerana dialek tersebut tersebar di sepanjang pesisir pantai negeri Terengganu, Pahang dan Mersing di Johor.

Realiti penyebaran dialek tidak bersifat demikian. Chambers & Trudgill (1998) mengemukakan konsep kontinum dialek yang membayangkan penyebaran dialek yang tidak pernah putus bahkan sambung-menyambung. Idea kontinum dialek sejajar dengan wawasan Labov (1994) tentang rantaian dialek (*dialect chain*) yang menetapkan bahawa dialek tersebar secara berantailan dalam kawasan geografi. Chambers & Trudgill (1998:5) malah mengemukakan hal yang disebut sebagai “perspektif wisatawan” (*perspective of a traveller*) yang berbunyi seperti di bawah:

Jika kita mengembara dari satu kampung ke kampung lain mengikut satu arah tertentu, kita akan menyedari kelainan bahasa dalam setiap kampung. Kadangkala perbezaan itu besar, kadangkala kecil, tetapi kumulatif. Semakin jauh kita bergerak dari titik mula, semakin besar perbezaan yang akan kita temui. Akibatnya, jika jarak yang dilalui cukup jauh, dan jika kita menyusun kampung-kampung itu mengikut urutan geografi sepanjang laluan kita, maka penutur dari kampung A mungkin dapat memahami percakapan orang kampung B dengan sangat baik, dan kampung F dengan agak baik, tetapi akan mengalami kesukaran untuk memahami percakapan kampung M, malah langsung tidak memahami percakapan kampung Z. Sebaliknya, penduduk kampung M mungkin dapat memahami bahasa kampung F dengan baik, tetapi mengalami kesukaran untuk memahami bahasa kampung A dan Z.

Ketidaksamaan sempadan dialek dengan sempadan politik pernah dikaji antaranya oleh Mohd Tarmizi, Rahim & Shahidi (2010). Dalam kajian tersebut, Mohd Tarmizi, Rahim & Shahidi menolak tanggapan yang membahagikan dialek Pahang kepada lapan subdialek berdasarkan daerah-daerah. Mereka mendapati fakta yang sebaliknya, yakni sekurang-kurangnya terdapat tiga subdialek (atau mungkin lebih sedikit) Pahang yang tersebar di sepanjang lembangan Sungai Pahang. Fakta yang ditemui tersebut membolehkan penggunaan tipologi hulu-tengah-hilir sebagai nomenklatur bagi menamakan setiap subdialeknya (Mohd Tarmizi, Mohamad Zakuan, Mohd Hilmi & Khairul Faiz, 2024).

Tuntasnya ialah natijah yang terhasil disebabkan berakarnya “daftar kanonik dialek Melayu” (Collins, 2016) dalam penulisan dan kajian tentang dialek Melayu, maka banyaklah dialek-dialek yang dituturkan di kawasan terpencil dan hulu terabai, atau digeneralisasikan saja di bawah satu nomenklatur khas yang dipadankan dengan nama negeri. Justeru itulah keunikan dan kelainan umpamanya dialek Ulu Terengganu (Collins, 1983), dialek Hulu Tembeling (Collins, 1998; Mohd Tarmizi, Rahim & Shahidi, 2013), dialek Lenggong (Rahim, 2023) dan dialek hulu Rompin (Mohd Tarmizi, Khairul Faiz & Mohamad Zakuan, 2024) hanya disedari baru dalam dua dasawarsa terakhir ini.

Untuk mengatasi masalah “daftar kanonik dialek Melayu” itulah, maka dirangka suatu kaedah dan atur cara penyelidikan yang tidak lagi menjadikan sempadan politik sebagai dasar kepada penentuan kawasan kajian, tetapi dengan menggunakan “perspektif sungai” (Collins, 2016). Perspektif sungai yang dimaksudkan mencadangkan supaya aliran sungai yang begitu banyak jaringannya di semenanjung berfungsi sebagai dasar bagi penentuan kawasan kajian. Premis yang mendasari pewujudan perspektif sungai adalah fakta sosiologi dan sejarah yang menyatakan bahawa penduduk di alam Melayu sememangnya menjadikan tebing-tebing sungai sebagai kawasan pembangunan peradaban, tempat hunian dan jalur perhubungan yang utama (Andaya, 1993; Abdul Halim, 2007). Sama juga seperti zaman sekarang yang memperlihatkan bahawa penduduk di Malaysia secara umumnya telah menjadikan jalan raya sebagai kawasan yang sesuai untuk dijadikan kawasan pembangunan dan hunian. Oleh itu, jika diperhatikan peta Pahang dalam Cant (1973) misalnya yang memaparkan titik-titik hitam sebagai simbol kawasan petempatan di sepanjang lembangan Sungai Pahang, maka kini titik-titik hitam tersebut telah beralih ke rangkaian jalan raya dan jalan keretapi.

Walaupun demikian lembangan sungai masih tetap berfungsi sebagai kawasan yang penting dalam upaya memerikan dan menjejaki rantai dialek Melayu tradisional semenanjung yang mengekalkan fosil dialek dan bahasa purba justeru membolehkan evolusi sesebuah dialek ditelusuri dengan lebih saksama. Sehubungan dengan itu, menjadikan perspektif sungai sebagai titik tolak kajian berupaya membentangi suatu lapangan yang membolehkan cerapan terhadap keterkaitan pemerian sistem linguistik sesebuah dialek dengan dialek lain dalam satu jaringan atau rangkaian yang pastinya berupaya pula menyingkapi tabir diakronik dalam peristiwa sejarahnya seperti migrasi, kontak dan pembentukan rangkaian sosial (Labov, 1994; Trudgill, 2011).

Namun begitu, kenyataan penyebaran dialek Melayu terutama di semenanjung pada masa ini memperlihatkan situasi yang lebih rumit dan berselirat. Hal ini adalah natijah langsung daripada penerapan tatakaedah yang berpaksikan kepada “perspektif sungai” itu yang sebenarnya turut bermasalah dalam dua aspek.

Pertama, seperti yang disinggung di atas, kebanyakan orang Melayu sudah tidak lagi menjadikan sungai sebagai kawasan untuk mendirikan tempat tinggal. Maka, kampung-kampung yang pada masa duhulunya dibina di kiri dan kanan tebing-tebing sungai tidak lagi berpenghuni, walaupun di sungai-sungai yang besar, misalnya Sungai Pahang, Sungai Perak atau Sungai Muar, apatah lagi sungai-sungai yang secara relatifnya bersaiz kecil dan berlokasi jauh di kawasan pedalaman seperti beberapa sungai di Kuala Berang atau di bahagian hulu Sungai Rompin, Sungai Tembeling, Sungai Dungun dan Sungai

Betis, yang menunjukkan keadaan populasi penduduk sudah mengalami penurunan secara berangsur-angsur.

Kedua, proses migrasi menyebabkan berlakunya percampuran atau kontak penutur dialek dalam sesebuah kawasan. Situasi begini kelihatan jelas di Lembah Klang khususnya mahupun kawasan Felda dan kawasan bandar-bandar yang baru dibuka seperti Putrajaya. Kontak yang dimaksudkan menghasilkan natijah linguistik yang tidak sedikit seumpama pembentukan dialek baru, gejala koine, gramatikalisasi dan penyahgramatikalisasi. Di Lembah Klang sebagai contoh telah menunjukkan kemunculan variasi baharu yang diistilahkan sebagai Varian Lembah Klang (Asmah, 2008a; Hoogervorst, 2018; Mohammad Fadzeli & Norsimah, 2020). Kemunculan penutur dialek yang berbeza di kawasan-kawasan tersebut yang menatijahkan gejala linguistik yang kompleks membuatkan usaha pemetaan menjadi bertambah sukar. Selain itu, keberadaan penutur sesebuah dialek yang berselerak dan merata di pelbagai kawasan sehingga mewujudkan komuniti dialek poket di kawasan yang terbabit menatijahkan pula masalah dalam penetapan sempadan dialek berasaskan nama daerah dan nama negeri. Dua masalah ini bagaimanapun tidaklah rumit untuk diatasi iaitu hanya dengan melenturkan makna dialek yang diasosiasikan dengan nama negeri dan daerah serta memanfaatkan kaedah pemetaan moden seumpama yang dibekalkan oleh perisian seperti *Geographical Positioning System* (GPS) (Collins, 2007) dan *Geographical Information System* (GIS) (Nor Hashimah, Siti Noraini & Harishon, 2020; Adriana & Nor Hashimah, 2021; Siti Noraini Hamzah, Harishon Radzi, Junaini Kasdan & Nor Hashimah Jalaluddin, 2023) termasuk pemetaan yang dihasilkan oleh aliran dialektometri iaitu *Gapmap*, walaupun kaedah yang itu masih belum ada penerapannya dalam sebarang kajian dialek Melayu.

Perbincangan yang dipaparkan ini menunjukkan bahawa takrif dialek yang dikemukakan oleh Za'ba sememangnya dihayati oleh para pengkaji dialek Melayu kemudian dan dalam masa yang sama takrif tersebut dikategori sebagai pernyataan yang tidak memadai dalam mengungkapkan kenyataan sebenar penyebaran dialek. Walaupun terdapat dua jalur penerimaan yang bertentangan, namun hal tersebut membuktikan bahawa pengkajian dialek Melayu sudah mengalami perkembangan yang pesat sejak Za'ba mula menukikan takrifannya. Perkembangan yang dimaksudkan mencakupi pembangunan metodologi dan atur cara penyelidikan yang lebih ampuh bersulam dengan penerapan alat bantu berteknologi bagi memerikan dan memetakan ciri linguistik yang dimiliki oleh dialek-dialek yang dikaji.

4.3 Sifat dan Ciri

Bahagian sebelumnya ditutup dengan pernyataan yang menyentuh tentang ciri dialek. Soalnya ialah apakah tanggapan Za'ba terkait dengan perkara tersebut? Tanggapan Za'ba tentangnya boleh direkonstruksi menerusi frasa “mempunyai pelat sebutan yang terkhas bagi daerah itu.” Untuk memahami ehwal yang cuba disampaikan melalui ungkapan frasa ini, maka catatan dalam muka surat 283 *Ilmu Mengarang Melayu* boleh menjadi panduan. Di situ Za'ba ada mencatat demikian:

“...sifat khasnya yang melainkan dia daripada bahasa-bahasa daerah yang lain atau daripada bahasa umum ialah tentang kepelatan bunyi sebutannya, tentang gaya suara menuturkannya dan sedikit-sedikit ada juga berlainan tentang perkataannya dan ungkapan-ungkapan serta cara bentuk pembahasannya dalam percakapan – iaitu mengikut berlain-lainan tempat, daerah dan negeri.”

Sekurang-kurangnya ada tiga perkara yang dibangkitkan oleh Za'ba bagi menghuraikan maksud frasa “sebutan yang terkhas” iaitu: pertama, “kepelatan bunyi sebutannya”; kedua, “gaya suara menuturkannya”; dan, ketiga “perkataannya dan ungkapan-ungkapan serta cara bentuk pembahasannya dalam percakapan.” Maksud ketiga-tiga perkara ini dijelaskan oleh Za'ba dengan huraian bahawa “...kepelatan

“...bunyi sebutan itu misalnya “air” disebut *ayao* oleh orang Perak, dan *ayak* oleh orang Seberang Perai, Pulau Pinang dan Kedah; “pergi” (dalam surat) disebut *pa-i* oleh orang di darat-darat Negeri Sembilan, dan *pi* dalam sebutan Pulau Pinang dan utara Malaya...Adapun tentang gaya suara menurutkannya pula hanyalah boleh diajukkan dengan dibuat, tetapi tidak dapat hendak ditunjukkan misalnya dalam tulisan melainkan jika memakai tanda-tanda tinggi rendah dan tegang kendur suara seperti dalam suratan muzik...Tentang perkataan, ungkapan dan bentuk pembahasaan, banyak boleh didapati jika dibandingkan antara pembahasaan satu-satu daerah itu dengan dengan pembahasaan daerah-daerah lainnya.”

Walau bagaimanapun, Za‘ba tidak berhenti setakat tiga perkara tersebut sahaja. Malah, beliau (Za‘ba 2002: 288) melanjutkan huraian dengan menambah satu perkara lagi iaitu:

“...keasingan tentang simpulan bahasa atau ungkapan dan ertinya yang lazimnya seperti “rumah tangga” kata orang Perak ertinya suami; “makan sayur rebung” kata orang Negeri Sembilan ertinya *nikah sewaris*, atau *mencabuli kaum kerabat sendiri*. Demikian pula keasingan tentang resaman bahasa dan jalan ikatan ayat seperti “kapai dok mai” kata orang Pulau Pinang ertinya kapal tengah datang, dan lain-lain lagi seumpama itu.”

Huraian yang dipetik daripada buku Za‘ba tersebut jelas menunjukkan bahawa terdapat empat kelainan yang mencirikan dialek iaitu:

- i. Bunyi dan sebutan
- ii. Gaya suara
- iii. Perkataan
- iv. Ungkapan bahasa

Kelainan yang pertama, jika diungkapkan dalam istilah linguistik kontemporari, digelar sebagai kelainan fonetik dan fonologi, atau kadangkala, dalam sesetengah tulisan, digelar juga sebagai kelainan tatabunyi. Kelainan yang kedua pula digelar sebagai kelainan intonasi, nada atau istilah teknikalnya ialah kelainan suprasegmental. Oleh sebab itulah kelainan yang kedua tersebut lazimnya diuji dengan analisis fonetik suprasegmental yang berupaya menentukan tinggi-rendah selain tekanan-tiada tekanan dalam sesuatu bunyi; dan, kalau melibatkan analisis yang menggunakan simbol fonetik antarabangsa (*International Phonetic Alphabet* atau IPA) pula, biasanya setiap simbol diberikan tanda diakritik bagi menandai unsur bunyi sekunder. Kelainan ketiga dan keempat boleh dianggap sekadar merepresentasi satu kelainan sahaja iaitu kelainan leksikal. Usaha Dewan Bahasa dan Pustaka menerusi penerbitan siri glosari dialek Melayu adalah menifestasi kelainan yang ketiga tersebut kerana bermatlamat menonjolkan kelainan leksikal bagi setiap dialek yang terlibat.

Tentunya sangat menarik bilamana Za‘ba menekankan kepentingan keempat-empatnya bagi “...menjadikan bahasa daerah itu berlainan daripada bahasa umum.” Hal ini dikatakan demikian kerana ehwal yang diutarakan dan diberikan penekanan oleh beliau tentang perkara yang mencirikan dialek tersebut adalah berbeza dengan inti yang menjadi fokus penyelidikan oleh para penyelidik dialek Melayu. Untuk mengetahui fokus utama para ahli dialektologi Melayu kontemporari, maka secara tersiratnya dapat disimpulkan melalui takrif dialek.

Apabila Za‘ba mentakrifkan dialek berpandukan kepada “sebutan terkhas”, hal ini menunjukkan bahawa Za‘ba menghayati takrif dialek yang mapan dan disepakati oleh para ahli dialektologi sejak cabang linguistik yang ini muncul di mandala akademik dunia pada abad ke-19. Collins (1989) sebagai misal memberikan takrif dialek sebagai ragam bahasa yang dapat dibezakan secara tegas dengan ragam-ragam lainnya dalam aspek-aspek seperti tatabunyi, leksikal, semantik dan sintaksis. Pembezaan secara tegas bagi setiap elemen linguistik yang dinyatakan itu bagaimanapun ditentukan berdasarkan tahapan

masing-masing elemen. Ertinya ialah sesebuah ragam, misalnya ragam A, tidak berbeza dengan ragam B, dalam aspek tatabunyi, leksikal, semantik dan sintaksis secara bersamaan. Akan tetapi, perbezaan yang paling menonjol antara kedua-dua ragam A dan B ialah pada aspek tatabunyi, kemudian tahap leksikal justeru menatijahkan perbezaan tahap semantik dan akhirnya tahap sintaksis. Perspektif yang melatari wawasan perbezaan dialek secara bertahap ini sebenarnya sejajar dengan pendapat Asmah (2008a). Hal ini disebabkan Asmah juga pernah menyatakan dalam buku tersebut bahawa tahap perbezaan yang paling tinggi dan paling tegas darihal perbandingan dialek adalah tahap tatabunyi, dan seterusnya diikuti dengan morfologi, semantik, sintaksis.

Faktanya bagi Za'ba dan ahli-ahli dialektologi Melayu adalah kelainan tatabunyi merupakan perkara inti yang membezakan dialek. Begitu juga dengan kelainan leksikal, atau perkataan, sememangnya turut diberi penekanan sebagai ciri pembeza dialek oleh Za'ba dan ahli dialektologi Melayu kontemporari. Akan tetapi, yang membezakan hemat Za'ba dengan hemat ahli dialektologi Melayu kontemporari ialah penekanan yang istimewa kepada gaya atau nada suara yang juga dikenali sebagai intonasi itu. Dalam hal ini, intonasi sememangnya tidak diteliti oleh para dialektologi Melayu kontemporari. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat kesukaran untuk mengukurnya secara pemerhatian. Selain itu, antara pertanyaan yang sering ditimbulkan darihal intonasi ialah bagaimanakah intonasi penutur dialek Kelantan dengan penutur dialek Terengganu? Apakah wujud perbezaan antara kedua-dua dialek berkenaan penyebutan, misalnya, kata /makan/ serta /tulang/? Juga, adakah orang Terengganu menyebut kedua-dua contoh tersebut dengan nada yang tinggi, sedangkan orang Kelantan menyebutnya dengan rendah dalam suku kata tertentu?

Contoh lain yang agak menarik yang boleh ditampilkan di sini ialah keadaan di Pahang. Dalam hal ini jikalau berkunjung ke negeri Pahang dan bertanya kepada orang Pahang tentang bahasa yang mereka tuturkan sehari-hari, maka jawapan yang akan diberikan ialah orang Pahang bercakap mengikut arus sungai. Menurut hemat masyarakat di Pahang, orang yang tinggal di hulu sungai bercakap lebih laju kerana arus sungainya deras; manakala orang di hilir pula, cara dan gaya percakapannya lebih perlahan disebabkan arus sungainya yang perlahan. Akan tetapi, yang menjadi persoalan tentang keadaan di Pahang ialah bagaimanakah mengukur tahap laju atau perlahan sesuatu percakapan dalam konteks ilmu dialektologi yang mematuhi prinsip saintifik?

Dari sisi lain, harus dinyatakan bahawa salah satu matlamat penyelidikan dialektologi ialah pemetaan dan penentuan jumlah dialek. Kedua-dua matlamat tersebut diperoleh melalui kegiatan pemerian yang dilakukan terhadap elemen-elemen linguistik teras terutamanya tatabunyi (fonetik dan fonologi). Justeru itu, di Pahang misalnya, jikalau mengambil contoh kajian yang dilakukan oleh Mohd Tarmizi (2022), dikesan terdapat dua kelompok dialek yang ditandai dengan persamaan dan perbezaan tatabunyi yang diperlihatkan oleh ragam-ragam dialek Pahang yang dikaji. Kedua-dua kelompok tersebut dinamakan sebagai dialek Pahang hulu dan dialek Pahang hilir. Asas kepada penamaan kedua-dua kelompok variasi adalah aliran sungai. Faktanya ialah dialek Pahang hulu dan dialek Pahang hilir sememangnya dapat dibezakan secara tegas dengan beberapa ciri tatabunyi seperti yang dibuktikan kemudiannya oleh Mohd Tarmizi, Mohamad Zakuan, Mohd Hilmi & Khairul Faiz (2024). Maka, dapat dikatakan bahawa asas pengelasan dialek Pahang kepada dua kelompok ialah ciri linguistik yang distingtif bagi kedua-dua kawasan.

Walau bagaimanapun, ada perkara lain yang harus difikirkan lanjut bilamana ditinjau pendapat Za'ba tentang gaya suara atau intonasi. Jikalau gaya suara atau intonasi diambil kira sebagai petunjuk bagi pengelompokan dialek Melayu, maka jumlah varian dialek Pahang juga berkemungkinan besar akan berubah. Hal ini disebabkan kewujudan beberapa kawasan yang memperlihatkan gaya pertuturan yang sekali imbas dipersepsikan sebagai berintonasi. Namun begitu, tidaklah diketahui sama ada inotasi berkenaan berstatus fonemik mahupun fonetik atau sekadar gaya komunikatif sahaja dan mungkin juga sekadar persepsi pengkaji yang tidak berbetulan dengan kenyataan dialek itu sendiri. Oleh sebab itu tidaklah juga dapat dipastikan sama ada kewujudan intonasi berkenaan berdaya menjadikan kelompok

dialek di Pahang lebih banyak atau kekal kepada dua. Nah, inti perbincangan di sini ialah walaupun ada kelainan hemat melibatkan intonasi, namun ehwal ini masih belum mendapat tanggapan ilmiah yang saksama sama ada dari Za'ba mahupun para ahli dialektologi Melayu kontemporari disebabkan statusnya tidak memenuhi syarat distingtif.

4.4 Pemerian

Walaupun Za'ba mengutarakan empat perkara yang mencirikan dialek dalam karya beliau seperti yang dinyatakan dalam bahagian sebelum ini, namun hanya satu perkara sahaja dibahaskan tatacara pengoperasiannya dalam upaya beliau bagi memerikan dan menganalisis dialek Melayu. Perkara yang dimaksudkan ialah tatabunyi. Tentang pengoperasian tatabunyi dalam pemerian dan analisis sesebuah dialek, Za'ba (2002: 286) mencatat seperti berikut:

“segala bunyi loghat atau sebutan yang berasingan ini jika dikumpulkan semuanya bagi satu-satu bahasa daerah bolehlah dilonggokkan semacam-macam dan dari situ boleh diaturnya kaedahnya mengikut undang-undang yang tetap memerintahkan tiap-tiap sejenis keasingan itu...Kerana tiap-tiap satu bahasa daerah itu ada kaedahnya dan undang-undang kejadiannya sendiri terhimpun pada beberapa fasal atau bahagian. Umpamanya: (i) Bagaimana sebab jadi berlain bunyi; (ii) Bunyi-bunyi yang mana bertukar atau terpotong; dan, (iii) Dengan bunyi apa bertukarnya atau bagaimana terpotongnya dan lain-lain lagi, iaitu lain bahasa daerah pelat lain macamnya.”

Za'ba turut menampilkan contoh bagi menjelaskan modus operandi tatakaedah beliau. Tentang hal ini, Za'ba menggunakan contoh-contoh bunyi sebutan bahasa daerah yang dikatakan oleh beliau terdapat “di darat-darat Negeri Sembilan.” Menurut Za'ba, bahasa daerah di kawasan tersebut memperlihatkan sekurang-kurangnya lima gejala, iaitu:

“Pertamanya, perkataannya dibunyikan lanjut-lanjut dan dengan suara lengah seakan-akan orang menyanyi; keduanya, segala bunyi atas lepas di hujung dibunyikan seperti bersaksi o: misalnya “Cino, Melako, rajo, kato, mano, apo”; ketiganya, atas lepas halus kalau di pangkal atau di tengah dibunyikan hampir-hampir seperti a: misalnya beri jadi “bari”, deras jadi “dareh”, kertas jadi “kareteh”; keempatnya, bunyi atas kasar membunuh t di hujung jadi bunyi bawah kasar membunuh k: misalnya dapat, lompat dibunyikan mereka “dapek”, “lompek”; kalau s jadi h: misalnya kapas, alas jadi “kapeh, aleh”; huruf l di hujung kerap tidak dibunyikan: nakal, hasil, bakul disebut mereka “naka (l), ase (l), bako (l); dan, kelimanya, ada juga perkataan-perkataan yang dipendekkan atau dimiringkan bunyinya, misalnya kalau jadi “kok”; nya kerap dibunyikan “e”; misalnya anaknya dibunyikan “anak-e”; saya jadi “se”; dia jadi “de”.”

Daripada petikan tersebut dapat dirumuskan tentang tatabunyi bahasa daerah di Negeri Sembilan pada zaman Za'ba, iaitu:

- i. vokal /a/ akhir direalisasikan kepada [o]
- ii. vokal /ə/ direalisasikan kepada [a] dalam suku kata praakhir tertutup
- iii. konsonan /t/ akhir direalisasikan kepada [k]
- iv. konsonan /s/ akhir menjadi [h]
- v. konsonan /l/ akhir mengalami pengguguran
- vi. penyingkatan suku kata

Gejala tatabunyi yang terkandung dalam i-vi menunjukkan bahawa setiap dialek Melayu memiliki ciri tatabunyi yang tersendiri, dan ciri tersebut boleh digunakan bagi membezakan suatu dialek

dengan dialek lainnya. Ciri tatabunyi ini kemudiannya boleh digeneralisaikan bagi menetapkan peraturannya.

4.5 Sistem

Za'ba selanjutnya memperincikan gejala tatabunyi tersebut bagi menerbitkan peraturan yang mendasarinya. Dalam hal ini Za'ba sememangnya berpendapat bahawa pemerian tatabunyi yang merupakan matlamat kepada penerapan tatakaedah pendeskripsian dialek Melayu adalah bertujuan untuk menyerlahkan peraturan atau sistem linguistiknya. Za'ba menggelarkan peraturan atau sistem yang dimaksudkan sebagai “undang-undang”. Terkait dengan perkara ini, Za'ba (2002:286) menukilkan catatan yang berikut:

“mula-mula kumpulkan misal-misal, kemudian asingkan semacam-macam; setelah itu dicamkan bahawa peraturan tetap yang diikuti oleh satu-satu kumpulan yang semacam itulah undang-undang. Tetapkanlah perkataan undang-undang itu. Maka kumpulan segala undang-undang itu ialah kaedah bunyi bahasa itu.”

Catatan yang dipetik di atas secara jelas memaparkan prosedur yang perlu diterapkan bagi menganalisis dialek yang akhirnya berujung pada penetapan “undang-undang” atau sistem dialek. Dalam ilmu linguistik moden, konsep sistem secara ringkasnya bermaksud bahasa atau dialek yang dibentuk daripada elemen-elemen teras yang memperlihatkan saling kaitan antara satu dengan yang lain (Dixon, 2010). Sistem bahasa dan dialek terdiri daripada elemen-elemen teras seperti fonetik, fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan wacana. Maka, sistem tatabunyi dialek Negeri Sembilan yang diperikan oleh Za'ba menerusi cuplikan di atas merujuk kepada alternasi dan proses tatabunyi yang diperlihatkan oleh dialek tersebut. Alternasi dan proses tatabunyi membolehkan dirumus suatu “undang-undang” yang mendasari setiap perilaku tatabunyi dialek Negeri Sembilan.

Jikalau membandingkan ungkapan terakhir Za'ba dalam catatan beliau itu dengan tatakaedah penyelidikan dialek Melayu kontemporari, maka akan ditemui beberapa persamaan inti. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam penyelidikan dialek Melayu kontemporari, pendeskripsian dialek juga bertujuan untuk menjejaki sistem yang wujud dalam dialek yang dikaji. Misalnya, dengan menggunakan semula satu contoh perilaku bahasa “di darat-darat Negeri Sembilan” yang ditampilkan oleh Za'ba di atas, maka dapat dibuat satu kesimpulan bahawa dalam dialek itu konsonan /l/ akhir kata mengalami proses fonologi yang digelar sebagai pengguguran yang merujuk kepada penghilangan konsonan sisian di posisi akhir kata. Sebab itulah perkataan bahasa Melayu /hasil/ muncul sebagai [ase], /nakal/ sebagai [naka] dan /bakul/ sebagai [bako].

4.6 Asal Kejadian

Za'ba, sewaktu membicarakan perihal asal kejadian dialek, tetap sahaja berdiri sebaris dengan tanggapan para ahli dialektologi Melayu kontemporari iaitu kesepakatan untuk meyakini perspektif yang menetapkan bahawa ruang dan masa sebagai ehwal inti yang mempengaruhi kewujudan dialek (Asmah, 2008a).

Dalam hal ruang, Za'ba menetapkan bahawa fenomena dialek pada awalnya muncul kerana dituturkan dalam ruang geografi yang berbeza, misalnya kawasan A dan kawasan B. Kedua-dua kawasan dipisahkan pula dengan keadaan dan bentuk muka bumi, hutan belantara, rangkaian sungai dan bukit bukau. Keadaan dan bentuk muka bumi sedemikian rupa menyebabkan kesukaran dalam interaksi lantas membuatkan masyarakat di kawasan A dan B menjalani kehidupan masing-masing dengan kontak yang sangat minimum.

Pemisahan ruang diperkuat dengan masa. Dalam hal ini hemat Za'ba menyimpulkan bahawa masa yang relatif singkat yang dihidupi oleh kelompok yang tinggal di kawasan A dan kawasan B akhirnya melahirkan perbezaan dalam aspek pertuturan. Akan tetapi, perbezaan tersebut masih lagi memperlihatkan saling faham disebabkan singkatnya masa yang memisahkan masyarakat yang terlibat. Namun begitu, dalam jeda masa yang memakan ribuan tahun, kelainan yang pada peringkat awalnya masih lagi bergelar sebagai variasi dialek lama-kelamaan menyebabkan tingkat saling faham menurun. Pada ketika itu dan selepas watu itu, kelainan sudah tidak lagi digelar kelainan dialek tetapi kelainan bahasa.

5. Kesimpulan: Za'Ba dan Grafisejarah Dialektologi Melayu

Pertanyaan akhir bagi merumuskan perbincangan makalah ini ialah bagaimanakah memposisikan Za'ba dalam grasejarah linguistik bahasa Melayu dan dialektologi Melayu? Rumusan yang boleh dibuat berdasarkan perbincangan yang dilakukan dalam makalah ini ialah Za'ba menduduki posisi istimewa dalam grafisejarah linguistik bahasa Melayu amnya dan grafisejarah dialektologi Melayu khasnya disebabkan beliau ialah bahasawan watan awal yang memerihalkan fenomena dialek Melayu menurut perspektif yang berpada dari segi sains linguistik sebagaimana pemerihalan beliau tentang sistem nahu bahasa Melayu.

Dalam menetapkan wawasannya tentang fenomena dialek, Za'ba bertolak daripada perspektif jalur utama yang disepakati dalam ilmu dialektologi pada zamannya justeru membayangkan adanya nuansa kesinambungan dan iklim idea yang ditegaskan dalam disiplin grafisejarah linguistik. Hal ini bermaksud wawasan tentang dialek yang dipersembahkan oleh Za'ba dalam *Ilmu Mengarang Melayu* bukanlah khas miliknya tetapi merupakan wawasan yang diterima umum dalam bidang dialektologi termasuk bidang linguistik perbandingan sejarah sejak akhir abad ke-19 hinggalah sebelum perang dunia kedua. Hal ini membuatkan wawasan dialek Za'ba mudah sahaja diterima pakai sama ada secara langsung mahupun tidak langsung oleh para ahli dialektologi Melayu kemudian disebabkan kesejajarannya dengan disiplin dialektologi itu sendiri.

Walau bagaimanapun, penerimaan perspektif mainstream oleh Za'ba dalam pemerihalan fenomena dialeknya juga mengundang kritikan tajam oleh ahli dialektologi Melayu kontemporari. Antara perspektif jalur utama yang dihayati oleh Za'ba ialah pengelompokan dan penentuan sempadan dialek Melayu yang berpanduan kepada sempadan politik kenegerian. Dalam hal ini Za'ba mewarisi wawasan tersebut daripada pengkaji kolonial British antaranya William Marsden dan R. J. Wilkinson. Perspektif yang menyamakan jumlah dan sempadan dialek mengikut sempadan politik disanggah keras oleh Collins (2016) yang menyebutnya sebagai “daftar kanonik dialek Melayu” yang menghambat kemajuan dialektologi di Malaysia. Asmah (2008a) juga menyedari kelemahan perspektif Za'ba tersebut dengan penegasan bahawa penentuan sempadan dialek tidak seharusnya tertakluk kepada sempadan negeri.

Selain itu, Za'ba juga meneguhkan perspektif yang diwarisinya daripada Marsden mahupun Wilkinson dengan melakukan pencerapan sendiri sebagaimana yang dikerjakannya sewaktu mengupas ciri dialek Negeri Sembilan dan dialek-dialek semenanjung lain. Walau bagaimanapun Za'ba tidak menghuraikan secara tuntas tentang kaedah dan proses pencerapan tersebut lantas membuatkan metodologi yang beliau terapkan kabur dan tidak jelas bahkan menatijahkan metodologi yang impresionistik. Oleh sebab dialektologi dikelaskan sebagai salah satu cabang linguistik yang empirik (Itkonen, 1978), maka pemerincian tentang metodologi yang melibatkan ehwal seperti tatacara pengumpulan data dan analisis yang mengikutinya perlu dikupas dengan jelas. Metodologi Za'ba ditafsirkan sebagai bersifat impresionistik disebabkan tiada kupasan dan pemerincinannya.

Walaupun dikritik tajam kerana berpaksikan metodologi yang lemah justeru meruntuhkan hampir keseluruhan teras perspektif dan pemerian fenomena dialek yang dibangunkan, namun sumbangan Za'ba sebagai bahasawan watan awal yang memerihalkan ehwal dialek Melayu tidak boleh dikesampingkan

begitu sahaja. Dengan asas pemerian dan pemerihalan yang dipasak oleh Za'ba itulah yang membolehkan ahli dialektologi Melayu kontemporari menoleh bagi memerhatikan kemajuan ilmu yang ditekuni, dan hal tersebut secara tidak langsung berdaya menjadi menyuluh kepada perencanaan hala tuju dan masa depan yang lebih ampuh bagi menerbitkan atur cara penyelidikan dialek Melayu yang teoretis dan mandiri.

Penghargaan

Kajian ini didanai oleh Universiti Utara Malaysia dan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah menerusi Geran Universiti dengan penyelidikan bertajuk *Membangunkan Model Falsafah Nahu Za'Ba Sebagai Salah Satu Teras Falsafah Bahasa Melayu*.

Rujukan

- Abdul Halim Nasir. (2007). *Lembangan sungai dalam peradaban Melayu*. Penerbit UKM.
- Adnan Hj. Nawang. (2005). *Memoir Za'ba*. Penerbit UPSI.
- Adnan Hj. Nawang. (2007). *Za'ba dan Melayu*. Penerbit UPSI.
- Adriana Santa Tinggom & Nor Hashimah Jalaluddin. (2021). Penyebaran varian leksikal dialek Melayu Satun di Langkawi-Satun: analisis GIS. *Jurnal Linguistik*, 25(1): 118-132.
- Andaya, B. W. (1993). *To live as brothers: southeast Sumatra in the seventeenth and eighteenth centuries*. University of Hawaii Press.
- Asmah Haji Omar. (2024). Za'ba and *Rahsia Ejaan Jawi*. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 17(2): 287-306. doi: [https://doi.org/10.37052/jm.17\(2\)no6](https://doi.org/10.37052/jm.17(2)no6).
- Asmah Hj. Omar. (1977). *Kepelbagaian fonologi dialek-dialek Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2008a). *Susur galur bahasa Melayu*. Edisi kedua. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2008b). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2014). *Za'ba: ahli fikir dan ahli bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bloomfield, L. (1992). *Bahasa*. Terj. Alias Mahpol, Kamaruzaman Mahayiddin & Noor Ein Mohd. Nor. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cant, R. G. (1973). *An historical geography of Pahang*. The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Chambers, J. K. & Trudgill, P. (1998). *Dialectology*. Edisi kedua. Cambridge University Press.
- Collins, J. T. (1983). *Dialek Ulu Terengganu*. Penerbit UKM.
- Collins, J. T. (1989). *Antologi dialek Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. (1991). The Malay of the oldest grammar: dialectology and internal evidence. *Jurnal Linguistik*, 5: 72-82.
- Collins, J. T. (1995). Der orintalische-indianische kunst-und lust gartner: an early German contribution to Malay dialect studies. Dlm. Rauch dan Moore (ed.), *Across the ocean: studies from east to west in honor of Richard K. Seymour*, hlm. 151-166. University of Hawai'i.
- Collins, J. T. (1998). Bahasa Melayu Hulu Tembeling: menjejaki sejarah Semenanjung. *Dewan Bahasa*, 2: 145-157.
- Collins, J. T. (2007). *Pemetaan dialek Melayu seAlam Melayu*. Penerbit UKM.
- Collins, J. T. (2016). *Wibawa bahasa: kepaiwaan dan kepelbagaian*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T. (2018). *Bibliografi dialek Melayu di semenanjung Tanah Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dixon, R.M.W. (2010). *Basic linguistic theory, vol. 1: methodology*. Oxford University Press.
- Harimurti Kridalaksana. (1979). *Suatu rintisan dalam historiografi linguistik Indonesia*. Masyarakat Linguistik Indonesia.
- Harimurti Kridalaksana. (1991). Awal tradisi gramatika Eropa di Indonesia: pembagian kelas kata dalam bahasa Melayu oleh Joannes Roman. Dlm. Harimurti Kridalaksana (ed.), *Masa Lampau Bahasa Indonesia: Sebuah Bunga Rampai*, hlm. 2-10. Penerbit Kanisius.
- Harimurti Kridalaksana. (1999). *Data bahasa dalam gramatika Joannes Roman (1653)*. Kertas kerja Kongres Linguistik Nasional 1999, Masyarakat Linguistik Indonesia, Jakarta, 28-31 Julai 1999.
- Hashim Musa & Rozita Che Rodi. (2017). Raja Ali Haji: cendekiawan ulung dan pemikir besar merentas zaman. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 5(2): 13-28.
- Hoogervorst, Tom G. (2018). Utterance-final particles in Klang Valley Malay. *Wacana, Journal of the Humanities of Indonesia*, 19(2), Article 2: 291-326. doi: 10.17510/wacana.v19i2.704

- Ismail Hussein. (1973). Malay dialects in Malay peninsula. *Nusantara*, 3(1): 69-79.
- Itkonen, E. (1978). *Grammatical theory and metascience*. John Benjamins.
- Karim Harun. (2003). Spieghel vande Maleysche tale sebagai karya leksikografi. Dlm. Lily Suratminto dan M. Holil (ed.), *Rintisan kajian leksikologi dan leksikografi*. Hlm. 230-237. Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya, Universitas Indonesia.
- Karim Harun. (2006). *Sejarah linguistik: tiga nahu Melayu abad ke-17*. Disertasi doktor falsafah Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM.
- Karim Harun. (2017). *Nahu bahasa Melayu abad ke-17*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khayrurrijal. (2015). *Kritikan Syed Muhammad Naquib al-Attas terhadap falsafah bahasa barat moden dan pascamoden*. Tesis sarjana CASIS, UTM.
- Koerner, E.F.K. (1979). *Toward a historiography of linguistics: selected essays*. John Benjamins.
- Koerner, E.F.K. (1989). *Practicing linguistic historiography*. John Benjamins.
- Mashudi Kader. (2009). Some aspect of seventeenth century Malay via Thomas Bowrey's bilingual dictionary published in 1701. *Kemanusiaan*, 16: 83-114.
- Mohammad Fadzeli Jaafar & Norsimah Mat Awal. (2020). Variasi linguistik di Greater KL. *Gema Online, Journal of Language Studies*, 20(2), 83-95.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Khairul Faiz Alimi & Mohamad Zakuan Tuan Ibharim. (2024). Penyebaran konsonan hentian glotis dalam dialek hulu Rompin: tinjauan awal. *Jurnal Melayu, isu khas Disember*: 207-228.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Mohamad Zakuan Tuan Ibharim, Mohd Hilmi Hamzah & Khairul Faiz Alimi. (2024). bcaka? ikə? alə suŋe: Korelasi Topografi dengan Linguistik di Lembangan Sungai Pahang. *Prosiding Persidangan Linguistik ASEAN IV*, hlm. 77-83.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman & Shahidi A. H. (2010). Variasi dialek Pahang: keterpisahan berasaskan jaringan sungai. *Jurnal Melayu*, 5(5): 315 - 332.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman & Shahidi A.H. (2013). Inovasi dan retensi dalam dialek Hulu Tembeling. *Gema Online, Journal of Language Studies* 13(3): 25-35
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2013). Tradisi linguistik Barat dan Arab-Islam di Malayonesia abad ke-19. *Jurnal Melayu* (10): 1-20.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2019). Tabii tanda bahasa dari kaca mata Sheikh Ahmad al-Fathani: suatu gagasan pemikiran. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(1): 60-77.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2022). *Dialek Melayu Hulu Pantai Timur Semenanjung Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Syukri Rosli & Ahnaf Wafi. (2022). *Tradisi keilmuan bahasa Jawi*. Akademi Jawi Malaysia.
- Muhammad Syukri Rosli. (2016). *Islamisasi bahasa Melayu dan pengaruh tradisi keilmuan Islam dalam Kitab Pengetahuan Bahasa oleh Raja Ali Haji (1808-1873)*. Tesis Sarjana CASIS, UTM.
- Munif Zariruddin Fikri Nordin. (2024). Verifikasi makna dalam falsafah Za'ba. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 17(2): 307-326. doi: [https://doi.org/10.37052/jm.17\(2\)no7](https://doi.org/10.37052/jm.17(2)no7).
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa dewan*. Edisi ketiga. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (2010). *Panorama bahasa Melayu sepanjang zaman*. Penerbit Universiti Malaya.
- Nor Azizah Othman. (2024). *Thomas Bowrey (1701) 17th century description of Malay*. Disertasi Doktor Falsafah, Department of Linguistics and Cultural Studies of the Johann Wolfgang Goethe-University at Frankfurt Am Main.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Siti Noraini Hamzah & Harishon Radzi. (2020). *Dialektologi dan GIS*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahim Aman. (2023). Maklumat profil digital sistem dialektal Melayu Lenggong. *Jurnal Melayu, isu khas Disember*: 181-191.
- Raja Masittah Raja Ariffin. (2010). *Cendekiawan bahasa Melayu dalam tradisi kesarjanaan barat*. Penerbit UPM.
- Raja Masittah Raja Ariffin. (2013). Sumbangan cendekiawan barat dalam bidang leksikografi Melayu. *Jurnal Bahasa*, 10 (29), Mei-Ogos, hlm.155-173.
- Raja Masittah Raja Ariffin. (2015). *Hassan Ahmad: wira bahasa yang berwibawa*. Penerbit UPM.
- Raja Masittah Raja Ariffin. (2018). *Wajah ilmuwan bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rooy, R. V. (2020). *Language or dialect? the history of a conceptual pair*. Oxford University Press.

- Saussure, F.D. (1998). *Course in general linguistic*. Terj. Roy Harris. Open Court.
- Siti Noraini Hamzah, Harishon Radzi, Junaini Kasdan & Nor Hashimah Jalaluddin. (2023). Penyebaran varian leksikal kata ganti nama di daerah Cameron Highlands: analisis geolinguistik. *Jurnal Linguistik*, 27(1): 48-60.
- Teeuw, A. (1961). *A critical survey of studies on Malay and Bahasa Indonesia*. Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde. Bibliographical Series, 5.
- Trudgill, P. (2011). *Sociolinguistic typology: social determinants of linguistics complexity*. Oxford University Press.
- Versteegh, K. (2019). Malay grammar between Arab and Western model. Dlm. Manuela E. B. Giolfo & Kees Versteegh, *Foundations of Arabic Linguistics IV*, 295-318. Leiden: Brill.
- Versteegh, K. (2020a). Extended grammar: Malay and the Arabic tradition. *Histoire Epistemologie Langage*, 41(1): 13-31.
- Versteegh, K. (2020b). Can a language be islamic? *Eurasian Studies*, 18: 5-25.

Biodata Penulis

Dr. Mohd Tarmizi Hasrah merupakan pensyarah kanan di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia. Minat penyelidikan beliau mencakupi bidang dialektologi, linguistik sejarawi, sejarah bahasa dan falsafah bahasa.